

# Islam Itu Agama Rahmat

[Rencana di bawah ini telah telah disunting untuk siaran dalam akhbar Berita Harian bertarikh 17 Mac 2017 dengan tajuk "Sifat Rahmah Penuhi Hak Semua Makhluk"]

✘Sheikh Dr. Umar Faruq Abd-Allah, seorang tokoh ilmuwan dari Yayasan Imam Nawawi, Chicago Amerika Syarikat ketika bersiaran dalam rancangan Topik Jumaat di radio IKIMfm telah bercakap tentang "Islam itu Agama Rahmat dan Berakhlak Baik". Beliau berada di Malaysia dalam rangka menyertai program "Reviving the Islamic Tradition" anjuran YADIM dan Al-Naqiy Solutions yang diadakan pada 4-5 Mac 2017 yang telah dihadiri oleh lebih 3000 orang peserta. Beliau menjelaskan bahawa perkataan "rahmah" yang diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai "mercy" seringkali sekadar membawa makna "kemaafan", sedangkan "rahmah" itu bukan sekadar kemaafan tetapi lebih daripada itu. Rahmah bermaksud memberikan setiap sesuatu apa yang mereka berhak mendapatkannya samada terhadap manusia, haiwan dan sekalian makhluknya.

***"Allah SWT memberikan manusia di bumi, ikan di laut dan singa di hutan apa yang perlu bagi mereka untuk hidup di bumi, dalam lautan dan di hutan belantara, berdasarkan rahmatNya".***

Dalam sebuah perkahwinan yang sempurna di sana ada "mawaddah" dan "rahmah" di mana mawaddah membawa maksud "kasih sayang melindungi" sepertimana kasih sayang seorang ibu yang ingin melindungi anaknya, manakala rahmah pula membawa maksud pasangan itu bersedia memberi kemaafan kepada pasangannya atas segala kelemahan dan kekurangan yang dimiliki, dan dalam masa yang sama bersedia untuk memberikan apa sahaja bagi menyempurna dan melengkapkan kesempurnaan pasangannya menjadi seratus peratus. Rahmah ialah sifat Allah SWT sebagai Sang Pencipta yang dianugerahkan kepada makhluk untuk menjadi apa yang sepatutnya mereka berfungsi.

Adapun apabila kita bercakap tentang "kasih sayang", ia membawa maksud yang pelbagai dan mempunyai banyak jenis antaranya "mawaddah". Mawaddah dalam sebuah perkahwinan misalnya adalah salah satu bentuk kasih sayang yang bukan semata menzahirkan cinta antara dua insan, tetapi juga mengambil berat akan kebajikan pasangannya. Sebagai contoh, jika isteri mendapati suaminya seorang yang menghisap rokok, maka mawaddah menuntut isteri agar menasihati suaminya berhenti merokok kerana ia memudaratkan kesihatan pasangannya. Mawaddah bagi seorang doktor ialah dia akan bertungkus lumus memastikan pesakitnya mendapat rawatan yang terbaik dan cuba menyembuhkan penyakitnya. Mawaddah bagi ibubapa pula ialah mereka berjaga malam, bangun di dinihari bagi memberikan susu dan keperluan untuk anak kecilnya yang menangis, menukar lampinnya dan lain-lain. Mawaddah ini adalah bentuk kasih sayang yang bersifat praktikal. Jenis kasih sayang yang seterusnya ialah "mahabbah". Mahabbah pula membawa maksud kebersamaan sepertimana biji dan isi yang bersama bagi sebuah buah. Mahabbah juga dikira tingkatan tertinggi bagi jalan kerohanian iaitu "cinta kepada Allah" di mana ia akan muncul setelah

seseorang itu melalui proses yang lama diuji dengan pelbagai ujian dan proses penyucian rohani sehingga mencapai marifah atau ilmu mengenai Allah. Dr Umar turut mengungkapkan pesan Sultan al-Awliya Sheikh Abdul Qadir al-Jilani yang mengungkapkan agar “jangan kamu lari daripada musibah kerana ia mengandungi kebaikan yang banyak”. Benar kata-kata ini kerana jika diimbau betapa Baginda SAW sendiri diuji sejak daripada kecil lagi. Baginda SAW kematian ayahanda dan bondanya sejak kecil lagi. Kemudian datuknya meninggal, bapa saudaranya dan begitu juga isterinya tercinta Sayyidatina Khadijah RA ketika beliau sedang bertungkus lumus memperjuangkan Islam. Baginda SAW terus menerus diuji oleh Allah SWT dalam setiap saat kehidupan Baginda SAW termasuk cubaan dibunuh, peperangan dan lain-lain. Namun ujian dan musibah yang menimpa Baginda SAW itu telah mendidik, memantapkan Baginda SAW sehingga Baginda SAW menjadi utusan Allah atau Rasulullah yang ulung dan hebat.

✘ Apabila seseorang itu kenal Allah SWT dengan sebenar-benarnya, maka sudah pasti dia akan mencintai Allah SWT kerana mana mungkin orang yang kenal Allah SWT tidak mencintai Allah. Kecintaan itulah dinamakan Mahabbah. Kalimah seterusnya ialah “salam” pula membawa maksud kesempurnaan, keberadaan dalam keadaan aman dan selamat. Salah satu nama Syurga dinamakan “Al-Salam” kerana segalanya dalam syurga adalah sempurna. Cuma apabila kita bercakap tentang “aman” ia bukan sekadar berlawanan dengan “peperangan” atau huru hara, tetapi ia lebih luas daripada itu. Salah satu nama Allah SWT juga “al-Salam” yang selain membawa maksud selamat, ia juga membawa maksud kesempurnaan dalam serba serbi tanpa sebarang cacat cela. Allah SWT lah yang memberi keamanan, keselamatan dan kedamaian kepada sekalian makhluknya.

Dr Umar turut mengingatkan bahawa tempat manusia yang sebenarnya adalah Syurga dan sekalian taman-tamannya. Adapun dunia ini, ia merupakan syurga atau taman-taman bagi haiwan yang melata dan sepatutnya manusia tidak berbuat sesuka hati di atas mukabumi hingga mencabuli kedamaian dan keharmonian haiwan-haiwan. Lantaran itulah dalam buku-buku fekah Islam ada menyebut tentang bagaimana sepatutnya berinteraksi dengan makhluk-makhluk lain agar hak-hak mereka turut dipelihara. Islam terlebih dahulu menjuarai “animal rights” atau pejuang alam sekitar mendahului masyarakat Barat.

---

## [Islam Tidak Memusuhi Amalan Tempatan Yang Baik](#)

*[Rencana ini telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 10 Mac 2017 dengan tajuk “Ijtihad ikut realiti setempat]*

✘ Seorang tokoh sarjana Amerika Syarikat yang tidak asing lagi yang juga pengasas [Kolej Pengajian Tinggi Zaytuna California Amerika Syarikat](#), [Sheikh Hamzah Yusuf Hanson](#) telah menyebut betapa ajaran Islam ini harus difahami

secara komprehensif dan bukannya picisan. Beliau turut menegaskan betapa ajaran Islam ini ajaran yang mempertahankan budaya setempat dan tidak memusnahkannya selagi mana budaya setempat tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan penggulungan dalam program "*Reviving the Islamic Spirit*" yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), dan Al-Naqiy Solutions. Radio IKIMfm bertindak sebagai radio rasmi program dua hari ini yang diadakan pada 4-5 Mac 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Program tersebut telah dihadiri oleh seramai lebih 3,000 orang peserta daripada dalam dan luar negara dengan syarahan daripada seramai 12 orang penceramah terkemuka dunia. Turut hadir YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Timbalannya, YB Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki dan Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Dr. Zambry Abdul Kadir.

Beliau seterusnya menyambung, ketika pendakwah dari Hadramawt Yaman sampai ke Nusantara ini sekitar kurun ke-12 Masehi lalu untuk menyebarkan ajaran Islam, mereka tidak pernah membawa budaya Yaman untuk diterapkan di Tanah Melayu. Masjid-masjid di sini dibina mengikut suasana tempatan dengan mengambil kira cuaca dan iklim Nusantara tanpa dibawa senibina Yaman ke sini. Ketika pendakwah Islam Syria masuk ke Andalusia (kini Sepanyol), masjid-masjid di sana tidak dibina sepertimana senibina masjid-masjid di Syria, tetapi sebaliknya mengambilkira budaya masyarakat Andalusia dan dibina sepertimana seakan-akan rekabentuk gereja, kerana itulah suasana dan budaya masyarakat di situ. Apabila Islam masuk ke China, perkara yang sama berlaku tanpa ada usaha daripada para pendakwah pada ketika itu untuk memusnahkan budaya setempat dan menggantikan dengan budaya Timur Tengah atau Arab. Begitu juga ketika Islam bertapak di Turki, senibina Roma terus dikekalkan kerana itulah budaya masyarakat di situ. Itulah indahnya Islam berbanding ajaran agama lain. Ada sesetengah bangsa yang apabila masuk dan menjajah negara lain, maka akan dimusnahkan sekalian penduduk asalnya seperti mana yang pernah menimpa kaum Red Indian dan kaum-kaum asli di tempat lain. Tetapi berbeza dengan ajaran Islam, apabila ketika mula-mula masuk ke Andalusia (kini Sepanyol), tiada sebuah gereja pun yang dimusnahkan dan hakikat ini diakui sendiri orang para sarjana Kristian Barat yang turut menyokong bahawa tiada bukti empirikal bahawa ada gereja yang dimusnahkan oleh umat Islam. Begitu juga ketika mula-mula Islam masuk ke Mesir, penganut Kristian boleh terus beramal dengan ajaran mereka dan dikatakan bahawa hanya selepas 500 tahun Islam bertapak di Mesir, barulah penganut Islam meningkat kepada 50% daripada keseluruhan penduduk Mesir. Sheikh Dato' Dr. Afifi al-Akiti, seorang tokoh ilmuwan Malaysia yang kini menjadi Pensyarah di Universiti Oxford UK pula sebelum itu turut menyebut perkara yang sama betapa ada sesetengah arkitek yang cuba menerap rekabentuk masjid di Timur Tengah yang iklimnya jarang menerima limpahan hujan lalu untuk dibangunkan di sini hingga akhirnya menyebabkan kerap berlaku kebocoran pada bumbung masjid di negara kita kerana rekabentuk yang tidak sesuai dengan iklim tempatan.

Justeru itu, ajaran Islam tidak pernah menganjurkan agar membuang budaya setempat atau menghapuskan amalan masyarakat setempat selagi mana amalan tersebut tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip yang dianjurkan Islam. Sebab itu ada kaedah dalam Usul al-Fiqh yang menyebut "*Al-Adah Muhakkamah*" atau

“adat (yang baik) itu boleh menjadi dasar menetapkan hukum.” Para ulama silam memahami benar bahawa faktor realiti keadaan setempat (*fiqhul waqi'*) perlu diambil kira sebelum sesuatu hukum itu diputuskan. Ada sesetengah hukum yang memerlukan ijtihad para ulama akan berubah berdasarkan realiti tempat tersebut. Beliau seterusnya memberikan analogi betapa seorang yang mengidap penyakit asma di negara yang beriklim sejuk disebabkan kelembapan udara tidak sama ubatnya dengan mereka yang mengidap asma di negara yang beriklim panas disebabkan debu, walaupun pada zahirnya menampakkan dua-dua mengidap penyakit asma. Doktor yang bijaksana tidak akan memberi ubat yang sama untuk penyakit yang seolah sama tetapi puncanya yang berbeza kerana hakikatnya dua penyakit tersebut adalah berbeza kerana puncanya berbeza walaupun nampak seolah sama. Oleh kerana itulah, ujar beliau adalah tidak wajar bagi rakyat Malaysia ini mengambil fatwa daripada para ulama Mesir, atau Saudi misalnya dalam hal-hal melanda negara ini, yang tidak memahami dan mengerti realiti masyarakat di negara ini kerana mereka tidak memenuhi salah satu syarat untuk memberi fatwa iaitu mestilah memahami realiti setempat. Para ulama di Malaysia inilah yang lebih mengerti tentang keadaan dan realiti masyarakat di negara ini dan lebih aila dan utama untuk memutuskan hukum yang sesuai dengan keadaan di sini. Beliau turut memuji masyarakat Malaysia yang dapat hidup aman dan damai dalam masyarakat berbilang kaum dan agama. Ianya lambang kebijaksanaan pemerintah dan para ulama dalam mengurus negara ini, dan menjaga sensitiviti setiap agama bagi mengelakkan permusuhan dan perpecahan. Beliau mengingatkan umat Islam Malaysia agar menghormati ijtihad ulama tempatan yang lebih memahami konteks di negara ini.~NRAS.

Sumber: <http://roskiman.com>

---

## Kenali Jahiliyyah Demi Menjaga Islam

Di antara punca dan sebab kenapa umat Islam terpengaruh dengan faham-faham yang asing daripada ajaran Islam ialah kerana kejahilan umat Islam sendiri dalam mengenali apakah ajaran-ajaran yang batil. Kata-kata Sayyidina Umar al-Khattab RA amat tepat sekali apabila beliau mengungkapkan:

**إِنَّمَا تَنْقَضُ عُرَى الْإِسْلَامِ عُرَى عَرْوَةَ إِذَا نَشَأَ فِي الْإِسْلَامِ مَنْ لَمْ يَعْرِفِ الْجَاهِلِيَّةَ ۚ**

*“Sesungguhnya Islam itu akan terlerai apabila muncul di kalangan umat Islam itu orang-orang yang hidup dalam Islam tanpa mengetahui apa itu jahiliyyah”.*

Jahiliyyah merujuk kepada zaman sebelum kedatangan Islam, namun jahiliyyah wujud sepanjang zaman kerana ia merujuk kepada kebathilan. Dalam al-Qur'an bukan sahaja menjelaskan tentang kebenaran, tetapi juga tentang kebathilan.

Antara faham yang semakin kuat merebak dewasa ini ialah faham liberalisma. Liberalisma ini bermula di Barat bertitik tolak daripada gerakan anti agama besar-besaran seawal kurun ke 17 yang menolak agama dan institusi-institusi agama dengan alasan agama itu mengongkong manusia. Pemuka-pemuka Barat yang

menentang beragama ini antaranya ialah seperti David Hume, John Stuart Mill, Voltaire dan ramai lagi hingga ke hari ini seperti Richard Dawkins, Stephen Hawking termasuklah mereka yang langsung tidak percaya kepada tuhan atau digelar ateis. Kita perlu fahami kenapa perkara sebegini berlaku. Ianya kerana di Barat pada ketika ini mereka berada dalam era kegelapan pada sekitar abad ke-5 hingga ke-14 di mana agama menguasai umat manusia. Mereka merasakan agama telah membelenggu. Belenggu yang paling besar yang mereka tentang ialah kelompok agamawan di kalangan mereka yang bersekongkol dengan raja-raja yang zalim dan kuku besi pada ketika itu hingga menyebabkan kezaliman terhadap rakyat berleluasa dengan sokongan pihak agamawan mereka pada ketika itu. Inilah kesilapan agamawan Barat hingga menyebabkan timbulnya gerakan menentang pihak agamawan oleh masyarakat kerana dilihat pihak agamawan bersekongkol dengan pemerintah yang zalim dan agama itu sebagai penyebab kepada persengketaan. Lalu imej agama itu menjadi buruk kerana dilihat sebagai penyebab kepada kezaliman, dan kuku besi.

Apa yang berlaku dalam dunia Islam amat berbeza. Sejarah membuktikan bahawa kedatangan Islam di mana-mana sahaja akan membebaskan manusia daripada kemunduran kepada kemajuan. Ia amat berbeza dengan apa yang berlaku di Barat. Di mana-mana Islam datang, Islam membawa kemajuan sepertimana yang berlaku di Jazirah Arab. Apabila kemunculan Islam bangsa Arab yang dulunya bangsa yang saling bunuh-membunuh telah menjadi masyarakat yang mampu hidup harmoni dan aman damai walaupun daripada kelompok kabilah yang pelbagai. Bahkan kedatangan Islam telah menggalakkan umat Islam untuk menerokai ilmu-ilmu sains sehingga lahirlah ramai para saintis Islam di zaman kegemilangan Islam sehingga terbinanya peradaban dan tamadun Islam.

Namun masyarakat Barat melihat agama itu semua sama sahaja iaitu sebagai bentuk pengongkongan daripada kemajuan kerana mereka melihat berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Agama, di sisi masyarakat Barat, apabila dibawa dalam ruang masyarakat maka ia akan membawa kepada kemunduran. Lalu mereka mendesak agama hanya untuk amalan individu dan persendirian sahaja tanpa melibatkan masyarakat mahupun negara. Lalu agama dan pemerintahan dipisahkan dan inilah titik mula gerakan yang dipanggil "sekularisme" yang memisahkan agama daripada kehidupan bermasyarakat dan pemerintahan dengan meletakkan agama hanya untuk amalan persendirian sahaja.

Kalau dalam agama sangat besar peranannya dalam pemerintahan, namun bagi masyarakat Barat, agama perlu tunduk kepada humanisma-sekular dan rasionalisme-sekular, di mana akal diagungkan mengatasi agama. Bagi mereka agama tidak sesuai dengan tamadun dan perkembangan sains dan teknologi. Sedangkan Islam, tidak sama sekali menindas ilmu sains dan jika ada yang menindas itu bukan daripada ajaran Islam tetapi daripada salahfaham umat Islam dalam melaksanakan ajaran-ajaran Islam tersebut. Umat Islam sedikit demi sedikit mula terpengaruh dengan gerakan sekularisme Barat ini apabila cerdik pandai Barat yang mengkaji Islam yang digelar "orientalis" Barat mula menerapkan faham dan pengalaman mereka ke dalam agama Islam. Ianya lebih ketara apabila ramai umat Islam mula melanjutkan pelajaran di Barat dan menuntut di bawah bimbingan para orientalis Barat ini lalu membawa pulang fahaman menyeleweng ini ke tanahair. Jika dulu, di kalangan masyarakat Barat, perbuatan hubungan sejenis atau homoseksual merupakan suatu tabiat di luar

tabie bahkan dikategorikan sebagai penyakit mental, namun kini sedikit demi sedikit mereka mula menerimanya sebagai sebahagian daripada hak dan kebebasan manusia walaupun ianya bercanggah dengan ajaran agama mereka sendiri. Inilah pesanan Baginda SAW agar kita jangan meniru dan mengikut perbuatan golongan Kristian dan Yahudi ini sepertimana Sabda Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri RA yang berbunyi:

لَتَتَّبِعُنَّ سَنَنَ مَنْ قَبْلَكُمْ شِدْرًا بِشِدْرٍ  
وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ حَتَّىٰ لَوْ سَلَكَوا جُحْرًا ضَبَّ  
لَسَلَكَتُمْ وَّهُ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِلَيْهِمْ  
وَالذِّمَارِيُّ قَالَ فَمَنْ

*“Nescaya kamu akan mengikuti jejak langkah kaum sebelum kamu sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta hingga sekiranya mereka masuk ke dalam lubang biawak sekalipun, kamu akan ikut serta. Lalu kami bertanya: siapakah mereka itu wahai Rasulullah SAW, Yahudi dan Nasrani kah? Lalu Baginda SAW menjawab: siapa lagi?”* [Bukhari]

Justeru itu, umat Islam sewajarnya tidak terpengaruh dengan gerakan liberalisma ini memandangkan Islam bukan punca kemunduran umat ini.

*[Rencana ini merupakan suntingan bebas daripada program Tarbiyyah yang bersiaran di radio IKIMfm yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr Khalif Muammar A.Harris dan kemudiannya disiarkan dalam ruang agama akhbar Berita Harian bertarikh 23 September 2016. Segala kesilapan adalah kelemahan penyunting]*

---

## [Salahfaham Terhadap Islam](#)

Antara salahfaham yang wujud dalam segelintir masyarakat kita juga ialah memandang akal tidak berperanan langsung dalam menentukan sesuatu pandangan dalam hidup beragama. Tiada dalil dalam al-Qur'an dan al-Sunnah itu bukan bermakna ianya salah dan tidak boleh diamalkan samasekali. Ini pendirian yang salah dan jumud. Islam samasekali tidak menolak penggunaan akal bahkan dalam al-Qur'an begitu banyak seruan-seruan yang menyeru kepada menggunakan akal seperti ungkapan: “tidakkah kamu berfikir”, “tidakkah kamu bertadabur” dan seumpamanya. Begitu juga banyak hadith-hadith yang memuji akal, sepertimana contoh yang diberikan oleh Prof. Madya Dr. Khalif Muammar A.Harris, pensyarah di Pusat Kajian Tinggi Mengenai Islam, Sains dan Tamadun Universiti Teknologi Malaysia dalam rancangan Tarbiyyah di IKIMfm setiap Jumaat 10.15 pagi, di mana ada mafhum hadith yang apabila Baginda SAW diajukan soalan siapakah yang lebih baik antara orang yang kuat beribadat atau orang yang kuat tidur? Lalu Baginda SAW menjawab orang yang kuat akalnya di antara kedua-duanya. Kenapa? Kerana orang yang kuat ibadat sekalipun tetapi jika kualiti ibadatnya tiada, maka tiada manfaat sedangkan orang yang kuat tidur walaupun mungkin ibadatnya agak sedikit tetapi jika ibadatnya berkualiti itu lebih baik. Beliau seterusnya mengungkapkan bagaimana Hujjatul Islam Imam al-Ghazali

(w.505/1111) memberikan tamsilan untuk akal ini seumpaman mata. Jika al-Qur'an itu diibaratkan seperti matahari, namun untuk memahami al-Qur'an kita memerlukan mata kerana cahaya sahaja tidak mencukupi. Mata sebagai alat untuk melihat objek-objek yang disuluh oleh cahaya, maka begitu jugalah akal diperlukan untuk memberi kefahaman terhadap apa jua yang disuluh oleh cahaya al-Qur'an itu. Walau bagaimanapun, akal tidak boleh dibiarkan untuk berfikir di luar kemampuan tanpa ada had dan batas. Di sinilah bezanya umat Islam dan umat lain dalam meletakkan kedudukan akal agar kena pada tempatnya. Golongan sesat Muktazilah dahulu misalnya meletakkan akal sebagai sumber yang utama yang mampu menyelesaikan semua perkara dan memikirkan semua hal tanpa memerlukan al-Qur'an. Pandangan ini salah. Sebagai contoh perkahwinan adik beradik misalnya tidak mampu difikirkan secara rasional oleh akal apakah keburukannya tetapi agama melalui petunjuk al-Qur'an menjelaskan bahawa ia tidak dibenarkan kerana mudaratnya yang amat. Begitu juga pengharaman babi dan lain-lain semua itu tidak dapat difikirkan oleh akal hinggalah perkembangan sains dan teknologi membuktikan kewujudan cacing yang memudaratkan kesihatan.

Seperkara lagi, kecelaruan masyarakat hari ini juga ialah dalam melihat bahawa ada perkara-perkara dalam Islam ini yang bersifat kekal (*thawabit*) tidak berubah-ubah iaitu dalam perkara aqidah, usul, namun ada juga yang bersifat berubah-ubah (*mutaghayyirat*) khususnya dalam perkara-perkara muamalat, ranting yang bersifat ijtihadi. Kepercayaan terhadap Allah SWT Tuhan Yang Maha Esa, Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul terakhir adalah pegangan yang tidak akan berubah-ubah hingga hari kiamat. Adapun dalam hal muamalat misalnya, seperti jual beli. Jika dulu penjual dan pembeli perlu ada akad ijab dan qabul, tetapi kini dengan adanya *vending machine* menjual air kotak dan lain-lain, kita tidak perlu lagi mengucapkan lafaz ijab-qabul tersebut memadai prinsip "*an taradin*" iaitu kedua-dua pihak bersetuju dengan jumlah harga yang ditetapkan, maka transaksi jual beli itu sudah dikira sah. Ini yang dikatakan antara perkara-perkara yang boleh berubah-ubah dari zaman ke zaman bergantung kepada masalah masyarakat setempat.

Namun apa yang menyedihkan kita ialah adanya gerakan konon untuk "mengislahkan" masyarakat, atau tajdid dalam hal-hal yang ranting dan bukan dalam hal aqidah sehingga menimbulkan keresahan masyarakat. Golongan ini bukan menambahbaik tetapi merosakkan lagi ajaran Islam yang sudah sekian lama bertapak dalam masyarakat. Mereka membesarkan perkara-perkara yang diperselisihkan (*khilafiyah*) oleh para ulama sejak ratusan tahun lalu yang telah bersetuju untuk berbeza pendapat. Mereka menuduh perkara-perkara baharu yang tidak dibuat di zaman Baginda SAW sebagai "bid'aah sesat" sedangkan jumhur ulama bersetuju bahawa perkara-perkara baharu (*bid'aah*) itu ada yang sesat (*dalalah*) dan ada yang baik (*hasanah*). Imam Shafie RA sendiri mengungkapkan bahawa "Bidaah itu ada dua, satu sesat (*dalalah*) dan satu terpuji (*mahmudah*)".

Justeru dengan pemikiran-pemikiran sebegini yang banyak muncul dalam masyarakat telah mengeruhkan lagi hubungan sesama saudara Islam dan yang lebih teruk lagi ianya di mata orang bukan Islam menunjukkan umat Islam sendiri tidak sepakat dan bersatu padu dalam ajaran mereka. Lalu hilanglah keindahan Islam di mata mereka.

[Rencana ini telah disiarkan dalam ruang agama akhbar Berita Harian pada 16 September 2016]

---

## Bagaimana Memahami Islam

Dalam rancangan slot Tarbiyah yang bersiaran Jumaat jam 10.15 pagi di radio IKIMfm, Prof. Madya Dr. Khalif Muammar A.Harris, pensyarah CASIS UTM membawakan tajuk “Bagaimana Sepatutnya Memahami Islam”. Salah faham terhadap Islam ini, ujar beliau bukan menimpa orang bukan Islam sahaja, bahkan dari umat Islam sendiri. Akibat salahfaham itu, orang bukan Islam khususnya Barat menggelarkan umat Islam dengan terrorisma dan radikal. Umat Islam sendiri pula disebabkan salahfaham terhadap Islam telah gagal mempamerkan Islam yang sebenar sehingga Islam tidak lagi dilihat indah dan cantik. Umat Islam itu adalah cerminan kepada Islam itu sendiri.

Dalam masyarakat Islam hari ini ada dua bentuk keclaruan pemahaman terhadap ajaran Islam. Pertama dari kelompok literalis yang jumud, radikal dan konservatif. Mereka terikat dengan tafsiran ayat-ayat al-Qur’an dan al-Hadith secara literal sehingga menyempitkan ajaran Islam yang sebenar. Kelompok kedua pula ialah daripada kalangan liberal, yang bebas dan tidak terikat kepada sebarang teks.

Dalam satu hadith daripada Ibrahim bin Abdul Rahman al-Udri RA bahawa Baginda SAW bersabda:

يَحْمِلُ هَذَا الْعِلْمَ مِنْ كُلِّ خَلْفٍ عُدُولُهُ ، يَنْدِفُونَ عَنْهُ ،  
تَحْرِيفَ الْغَالِبِينَ ،

وَأَنْتِجَالِ الْمُبْطِلِينَ ، وَتَأْوِيلَ الْجَاهِلِينَ

“Akan membawa (dan mewarisi) ilmu ini dari setiap generasi mereka yang benar-benar berwibawa. Mereka menolak dari ilmu itu penyelewengan orang-orang yang melampau, dakwaan orang-orang yang menyesatkan, dan tafsiran orang-orang yang jahil”. [Hadis Riwayat at-Tabrani dan al-Bayhaqi]

Dan kerana itu, kita dapati alam nusantara Melayu ini sejak daripada awal kedatangan Islam lagi dari generasi ke generasi sudah mengikut manhaj Asha’irah dari segi aqidah, Shafiiyah dari segi fekah dan Ghazali dari segi tasawuf hinggalah ke hari ini. Pada setiap zaman, akan berlaku penyelewengan yang dibawa oleh kelompok-kelompok tertentu tetapi majoriti para ulama pada zaman itu akan tetap teguh dibawa manhaj yang benar selama-lamanya. Di zaman Imam al-Ghazali RA (w.505/1111), beliau berhadapan dengan kelompok Hasyawiyah yang menolak sains Yunani, namun Imam al-Ghazali RA menjelaskan bahawa tiada salah dengan ilmu sains tersebut jika ia tidak bertentangan dengan syariat Islam. Hari ini umat Islam berhadapan dengan kelompok IS atau Daesh yang



kononnya mendakwa mereka memperjuangkan Islam dan ingin menubuhkan Khalifah Islam tetapi majoriti ulama menolak kumpulan ini dan mengisytiharkan mereka sesat bahkan ada yang mengatakan mereka ini murtad.

Hari ini ada kecenderungan di kalangan masyarakat kita berslogan menyeru kepada mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah. Tetap ulama sejak zaman berzaman mereka bukan sahaja mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah sahaja, mereka juga menguasai pelbagai ilmu-ilmu lain bagi memahami al-Qur'an dan al-Sunnah. Tidak semua yang tiada dalam al-Qur'an dan al-Sunnah itu salah, atau apa tidak diperlakukan oleh Baginda SAW ketika hayatnya SAW maka kita tidak boleh lakukan pada hari ini. Hanya apa yang dilarang sahaja yang tidak dibenarkan dan apa yang menyalahi nas-nas usul dan syariat dalam ajaran Islam sahaja dilarang. Di sini memerlukan kebijaksanaan untuk memahami apa yang haram dan apa dibenarkan sesuai dengan Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr yang mafhumnya berbunyi "apa sahaja yang dibawakan oleh Rasul itu maka terimalah, dan apa yang dilarangnya itu tinggalkan".

Ada kelompok dalam masyarakat kita hari ini yang salahfaham terhadap perkara ini seolah semua yang tidak diperbuat oleh Baginda SAW itu tidak boleh dan haram dibuat. Lalu muncullah kelompok yang membidaahkan dan menyesatkan amalan orang lain, dalam hal-hal khilafiyah sehingga mewujudkan keresahan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Para ulama telah membawakan kaedah yang terkenal dalam berhadapan dengan perkara-perkara perselisihan pendapat (khilafiyah) di kalangan para ulama ini yang berbunyi, "tidak ditentang perkara yang diperselisihkan (para ulama), namun ditentang adalah perkara yang disepakati". Dalam hal-hal sebegini, tindakan berlapang dada ialah tidak menuduh bidaah dan sesat terhadap amalan-amalan yang diperselisihkan para ulama, sebaliknya jika kita di pihak yang memilih bersama pandangan yang tidak menyetujui sesuatu amalan tersebut, memadai kita sahaja yang tidak melakukannya tanpa perlu melarang orang lain daripada melakukannya. Adapun dalam hal-hal yang jelas disepakati para ulama bahawa ia perbuatan keji dan munkar, maka hendaklah kita sama-sama sepakat bangun menentangnya sesuai dengan perintah "*amr ma'ruf wa nahy anil munkar*".

*[Rencana ini telah disiarkan dalam ruang agama akhbar Berita Harian pada 9 September 2016]*

---

## [Definisi Bid'ah Mengikut Ahlul Sunnah wal Jamaah](#)

Definisi Bid'ah Mengikut Ahlul Sunnah wal

Jamaah

Oleh

Sheikh Gibril Fouâd H{addâd

Tulisan ini terbahagi kepada dua bahagian:

1. I. Definisi Bid'ah oleh Imam al-Shafi'e (ra)
2. I Pembahagian Bid'ah di kalangan Ahlul Sunnah wal Jamaah dan selainnya.

### 1. Definisi Bid'ah Mengikut Imam Shafi'e:

Sumbangan besar Imâm al-Shâfi`î (ra) dalam ilmu Usul al-Fiqh ialah pembahagian beliau terhadap makna 'perkara baharu' (*al-bid'ah*) dan 'perkara baharu yang

diadakan' (*al-muhd}*

*athât*) iaitu samada 'baik' atau 'buruk bergantung kepada samada

perkara itu selari dengan Shari'at. Ini diriwayatkan secara Sahih dari dua muridnya yang terkenal pada zaman akhir kehidupan beliau iaitu, pakar h}adith Mesir, H{armala ibn Yah}yâ al-Tujaybî dan al-Rabî` ibn Sulaymân al-Murâdî:

H}armala menyebut, "Aku mendengar Imam al-Shâfi'e(ra) berkata:

**"Bid'ah itu dua jenis (*al-bid'atu bid`atân*)"**

"Bid'ah yang dipuji (*bid'ah mahm{*

*ûdah*) dan bid'ah yang dikeji (*bid'ah mazmûmah*).

Apa yang selari dengan Sunnah itu dipuji (*mah}mûdah*) dan apa yang bertentangan itu dikeji (*mazmûmah*).”

Beliau menggunakan dalil dari kenyataan Saidina ‘Umar ibn al-Khat}t}âb (ra) kepada jemaah yang mengerjakan Sembahyang Terawih di bulan Ramad}ân dengan katanya: “Alangkah cantiknya bid’ah ini!”<sup>1</sup>

Al-Rabî` juga meriwayatkan kenyataan yang sama bahawa Imam Al-Shâfi`î berkata kepada kami:

‘Perkara baharu yang diada-adakan itu dua jenis (*al-muh}dathâtu min al-umûri d}arbân*):

Pertama, perkara baharu yang bercanggah dengan al-Qur’ân atau Sunnah atau *athar* Sahabat atau *ijmâ’* para ulamâ’, maka bid’ah itu adalah sesat (*fahâdhihi al- bid’atu d{alâlah*).

1 Diriwayatkan dari Ha}rmala oleh Abû Nu`aym dengan sanad dari Abû Bakr al-A}jurrî dalam H}ilyat al-Awliyâ’ (9:121 #13315=1985 edisi. 9:113) dan dinukilkan oleh Abû Shâma dalam al-Bâ`ith `alâ Inkâr al-Bida` wal- Hawâdith (edisi Riyadh 1990, hal. 93), Ibn Rajab dalam Jâmi` al-`Ulûm wal-H}ikam (hal. 267= edisi Zuh}aylî. 2:52= edisi Arna’ût, 2:131=sah}îh}), Ibn H}ajar dalam Fath{ al-Bârî (edisi 1959, 13:253), al-Turt}ûshî dalam al-H}awâdith wa al-Bida` (hal. 158-159), dan al-Shawkânî, al-Qawl al-Mufîd fî Adillat al-Ijtihâd wa al-Taqlîd (edisi 1347/1929 hal. 36). Riwayat dari Saidina `Umar disebut oleh Imam Mâlik dalam al- Muwat}ta’ dan al-Bukhârî dalam Sahîh} Bukhari.

*min al-khayr*) yang tidak bertentangan dengan mana-mana pun di atas, dan ini bukan bid’ah yang dikeji (*wahâdhihi muh}dathatun ghayru madhmûmah*).

`Umar (ra) berkata terhadap sembahyang Terawih berjemaah di bulan Ramadhan: “Alangkah cantiknya bid’ah ini!” bermaksud bahawa ‘perkara baharu’ yang diada- adakan yang belum ada sebelum ini, tetapi ianya tidak bercanggah dengan perkara di atas (Al-Qur’ân, Sunnah, *athâr* Sahabat dan *Ijmâ’*).”<sup>2</sup>

Oleh itu, Imam al-Shâfie telah meletakkan suatu kriteria asas, yang perlu digunakan dalam menjatuhkan hukum terhadap sesuatu 'perkara baharu'.

Sehubungan dengan itu Imâm al-Haytamî, Qâdî Abû Bakr Ibn al-`Arabî, dan Imâm al-Lacknawî seterusnya menyambung:

*"Bid'ah dari segi Shari'atnya ialah apa jua perkara baharu yang diadakan yang bertentangan dengan hukum yang diturunkan Allah, samada berdasarkan dalil-dalil yang nyata atau pun dalil-dalil umum"*<sup>3</sup>

*"Hanya Bid'ah yang menyalahi Sunnah sahaja yang dikeji"*<sup>4</sup>

*"Bid'ah ialah semua perkara yang tidak wujud dalam tiga kurun pertama Islam dan di mana ianya tidak mempunyai asas bersumberkan empat sumber hukum Islam"*<sup>5</sup>

Kesimpulannya, ianya tidak memadai bagi sesuatu perkara itu dikira 'bid'ah' [dan sesat] hanya semata-mata kerana ianya 'perkara baharu'; tetapi ianya perlulah juga di masa yang sama bertentangan dengan Islam.

Al-Bayhaqî mengulas kenyataan al-Rabî :

Begitu juga dalam hal perdebatan aqidah (*kalâm*) dengan pereka bid'ah, apabila mereka ini mula mendedahkan perbuatan bid'ah (penter: dalam aqidah) mereka kepada masyarakat awam. Walaupun kaedah *kalâm* merupakan 'perkara baharu' namun ianya dipuji (*mah}mudah*) kerana ianya bertujuan untuk mendedahkan kepalsuan pereka bid'ah itu, seperti mana yang kita sebutkan sebelum ini. Rasulullah

dan begitu juga para Sahabat ditanya soalan berhubung dengan Qada' dan Qadar, yang jawapannya sepertimana telah sampai kepada kita hari ini. Namun pada masa itu, para Sahabat sudah berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Rasulullah . Namun sebaliknya di zaman kita ini pereka bid'ah tidak lagi berpuas hati dengan jawapan yang sampai kepada kita (daripada Rasulullah dan para Sahabat), dan mereka tidak lagi menerimanya. Oleh itu bagi menangkis serangan mereka, yang mereka sebarkan kepada umum, perlu bagi

kita berhujah

2 Diriwatikan dari al-Rabî` oleh al-Bayhaqî di dalam *Madkhal* dan *Manâqib al-Shâfi`î* beliau (1:469) dengan sanad sahih sepertimana yang disahkan oleh Ibn Taymiyyah dalam *Dâr' Ta`ârud} al-`Aql wa al-Naql* (hal. 171) dan melalui al-Bayhaqî oleh Ibn `Asâkir dalam *Tabyîn Kadhib al- Muftarî* (edisi Kawtharî, hal. 97). Dinukilkan oleh al-Dhahabî dalam *Siyar* (8:408), Ibn Rajab dalam *Jâmi` al-`Ulûm wal-Hikam* (p. 267= edisi Zuh}aylî. 2:52-53=edisi Arna'ût. 2:131 sah{îh}), dan oleh Ibn H}ajar dalam *Fath} al-Bârî* (1959 ed. 13:253).

3 Al-Haytamî, al-Tabyîn fî Sharh{ al-Arba`în (hal. 32)

4 Ibn al-`Arabî, `ârid}at al-Ah}wadhî (10:147)

5 Cf. al-Lacknawî, Iqâmat al-H}ujjah (hal. 12)

menggunakan kaedah pembuktian yang diterimapakai oleh mereka sendiri. Dan sesungguhnya kejayaan itu datangnya dari Allâh jua.6

Ini merupakan pembelaan Imâm al-Bayhaqî secara terang-terang terhadap keperluan *kalâm* dan sifatnya yang selari dengan tuntutan Sunnah demi mempertahankan [Islam] dari pereka bid'ah. Pendirian yang hampir sama juga boleh dilihat di

kalangan para Imam besar seperti Ibn `Asâkir, Ibn al-Sa{

Ibn `A<bidîn dan lain-lain.

lâh, al-Nawawî, Ibn al-Subkî,

## 1. Pembahagian Bid'ah di kalangan 'ulama' Ahlul

Sunnah wal Jamaah dan selainnya

### (a) Definisi Imam al-Ghazâlî

Hujjatul Islâm Imam al-Ghazâlî ketika mengulas perbahasan berhubung dengan penambahan 'titik' pada huruf ayat-ayat al-Qur'ân dengan katanya:

Hakikat bahawa ianya perkara baharu yang diadakan (*muh{dath}*) tidak menghalang ini semua. Berapa banyak perkara baharu yang diadakan tetapi ianya baik!, seperti mana sembahyang Terawih secara berjemaah. Ianya adalah antara bid'ah Saidina`Umar (ra) tetapi ianya adalah bid'ah yang baik (*bid'ah hasana*). Bid'ah yang keji ialah yang bertentangan dengan Sunnah Rasulullah atau yang boleh membawa kepada perubahan Sunnah itu. 7

### (b) Definisi Qâd{î Abû Bakr ibn al-'Arabî al-Mâlikî

Qâd{î Abû Bakr Ibn al-'Arabî ketika mengulas berhubung dengan bid'ah berkata: Ketahuilah! – Moga Allah menganugerahkan kamu ilmu! – bahawa bid'ah itu ada

dua jenis (*al-muhd}*

*athâtu da}*

*rbân*):

(i) Perkara baharu yang diadakan yang tiada asas [agama] melainkan mengikut hawa nafsu sesuka hati. Ini ada jenis yang salah, dan

(ii) Perkara baharu yang diadakan selari dengan apa yang sudah disepakati. Seperti

Sunnah para Khulafâ' dan para Imam-imam besar. Perkara baharu yang

diadakan dan bid'ah bukanlah keji kerana ianya 'baharu' (*muhd{  
ath*) [baharu

yang tiada sebelum ini] atau semata-mata dipanggil 'bid'ah', dan tidak juga kerana maknanya! Allâh Yang Maha Agung berfirman:

"Tidak datang kepada mereka peringatan yang baharu (*muhd{  
mereka*" (21:2)

6 Al-Bayhaqî, *Manâqib al-Shâfi`î* (1:469)

7 Al-Ghazzâlî, *Ih}yâ' `Ulûm al-Dîn* (1:276)

*ath*) dari Tuhan

yang bertentangan dengan Sunnah itu yang dikeji atau perkara baharu yang diadakan yang membawa kepada kesesatan itu yang dicela.<sup>8</sup>

(c) Definisi Ibn H{azm al-Z}âhirî

Ibn H{azm al-Z}âhirî berkata:

Bid'ah dalam al-Din ialah apa jua yang datang kepada kita yang tiada

disebutkan di dalam al-Qur'ân dan Hadith Rasulullâh , melainkan seseorang itu diberi ganjaran pada sebahagiannya, dan mereka yang melakukannya dimaafkan jika mereka berniat baik. Di antaranya adalah yang diberi ganjaran dan dikira baik (*h}asan*), apa yang

pada asalnya *al-ibâha}* diharuskan ("mâ kâna asl} uhu") sepertimana yang

diriwayatkan oleh Saidina`Umar (ra): "Alangkah baiknya bid'ah ini!"

Ia jelas merujuk kepada semua amalan kebaikan yang dinyatakan oleh *nass}* (al-Qur'ân dan Hadith) secara umum akan galakan melakukannya, walaupun amalan berkenaan itu tidak disebutkan dalam *nass}* secara khusus. Di antaranya juga ada yang dikeji dan tidak dibolehkan apabila ada dalil-dalil yang melarangnya. 9

#### (d) Definisi Ibn al-Jawzî

Ibn al-Jawzî menyatakan perkara yang sama dalam kitabnya *Talbîs Iblîs*:

"Ada sesetengah perkara baharu (*muhd}* *athât*) diamalkan yang tidak berlawanan

dengan Shari'at atau menyalahinya, mereka [para Salaf] melihat ianya tidak mengapa untuk diamalkan, seperti tindakan Saidina Umar mengumpulkan orang bagi mendirikan sembahyang Terawih di bulan Ramad.ân, kemudian itu beliau berkata:

`Alangkah baiknya Bid 'ah ini!'"

#### (e) Definisi Ibn al-Athîr al-Jazarî



Pakar perkamusan Ibn al-Athîr menyebut di dalam kitabnya, *al-Nihâyah fî Gharîb al-H{âdîth wal-Athar* menyebut:

Bid'ah itu ada dua jenis: bid'ah yang berpetunjuk (*bid'atu hudâ*) dan bid'ah yang sesat (*bid'atu d}alâlah*).

Apa jua yang menyalahi perintah Allâh dan RasulNya : itu termasuk dalam perkara yang dikutuk dan dipersalahkan. Dan apa jua yang masuk dalam keumuman Allâh atau RasulNya perintahkan atau galakkan: maka itu termasuk dalam hal-ehwal yang dipuji. Apa jua yang tiada amalan sebelum ini seperti terlampau pemurah atau berbuat baik – seumpama itu termasuk dalam perlakuan dipuji. Tidak dibenarkan beranggapan perkara seumpama itu sebagai menyalahi Shari'at kerana Rasulullah telah menyebutkan bahawa amalan sedemikian itu diberi ganjaran: “Sesiapa yang memulakan sesuatu amalan kebaikan dalam Islâm (*man sanna fîl-islâmi sunnatan h}asana*) memperoleh ia ganjarannya dan ganjaran sekalian orang yang melakukannya”. Begitu juga sebaliknya Baginda bersabda sesiapa yang

8 Ibn al-`Arabî, `Akrîdat al-Ah{wadhî (10:146-147)

9 Ibn H}azm, al-Ih}kâm fî Usûl al-Ah}kâm (1:47)

memulakan amalan jahat dalam Islâm (*waman sanna fîl-islâmi sunnatan sayyi'atan*) memikul dosanya dan dosa sekalian mereka yang melakukannya.”<sup>10</sup>

Begitulah apabila perlakuan itu bertentangan dengan apa yang diperintahkan Allâh

dan RasulNya... Dengan maksud inilah h}adîth yang menyebut “setiap yang baharu itu sesat”<sup>11</sup> sepatutnya difahami: maksud Baginda ialah, apa jua yang bercanggah dengan asas-asas Shari'at dan menyalahi Sunnah.<sup>12</sup>

(f) Klasifikasi Imam al-Izz Ibn `Abdul Salâm

Shaykhul Islâm, Sult}ân al-`Ulâmâ' Imâm al-`Izz Ibn `Abd al-Salâm juga berkata berhubung dengan perkara yang sama:

Di sana ada beberapa jenis perkara baharu (*bid'ah*). Pertama, ialah yang apa yang tidak dilakukan di awal kedatangan Islam namun Shari'at nyatakannya sebagai terpuji atau wajib. Yang kedua lagi ialah yang tidak dilaksanakan di awal Islam namun Shari'at mengharamkannya dan dibenci. Yang ketiga ialah perkara yang tidak dilakukan di awal Islam dan Shari'at mengharuskan.<sup>13</sup>

Di tempat lain beliau menyebut bahawa Bid'ah itu ada lima jenis, sama sepertimana yang diputuskan para fuqaha dalam amalan perbuatan seorang, iaitu: Wâjib, H}arâm, Sunat (mandûb), Makrûh, dan Harus (mubâh).<sup>14</sup>

(g) Sokongan Imam Nawawî terhadap Klasifikasi Imam al-Izz

Sheikhul-Islâm, Imâm al-Nawawî menyebut:

Bid'ah mengikut Shari'at ialah mereka sesuatu yang tidak pernah wujud di zaman

Rasulullah dan ianya dibahagikan kepada "baik" dan buruk" (*wahya*

*munqasimatun ilâ ha}*

*sanah wa qabîh}ah).*

10 Diriwatikan dari Jarîr ibn `Abd Allâh al-Bajalî oleh Imam Muslim, al-Tirmidhî, al-Nasâ'î, Ibn Mâjah, Ah}mad, dan al-Dârimî. Juga diriwatikan dengan kalimah yang hampir sama dari Abû Hurayrah oleh Ibn Mâjah and Ah}mad; dari Abû Juh}ayfah oleh Ibn Mâjah; dan dari Hudhayfah oleh Imam Ah}mad.

11 Diriwatikan dari al-`Irbâd. ibn Sâriyah oleh al-Tirmidhî (hasan sahih),

Abû Dâwûd, Ibn Mâjah, Ah}mad, al- Dârimî, Ibn H}ibbân (1:178-179 #5 s}ahî} h.), al-Hâ} kim (1:95-97= edisi 1990 1:174-177) – menyatakan ianya sahih, sementara al-Dhahabî mengesahkannya – dan di dalam al-Madkhal ilâ al-S}ah}îh. (hal. 80-81), al-âjurri dalam al-Sharî`ah (hal. 54-55 #79-82= hal. 46 s}ah}îh), Ibn Abî `âs}im di dalam al-Sunnah (hal. 29 #54 sahih.), al-T}ah}âwî di dalam Mushkil al-âthâr (2:69=3:221-224 #1185-1187 sahih), Muh}ammad ibn Nas}r al-Marwazî

di dalam al-Sunnah (hal. 26-27 #69-72 s}ah}îh.), al-H}ârith ibn Abî Usâma dalam Musnadnya (1:197-198), al- Rûyânî dalam Musnadnya (1:439), Abû Nu`aym dalam Hilyat al-Awliyâ' (1985 ed. 5:220-221, 10:115), al-

T}abarânî dalam Musnad al-Shâmiyyîn (1:254, 1:402, 1:446, 2:197, 2:298) dan al-Kabîr (18:245-257), al- Bayhaqî dalam al-Sunan al-Kubrâ (10:114), al- Madkhal (hal. 115-116), al-I`tiqâd (hal. 229), dan Shu`ab al-

`mân (6:67), al-Baghawî yang mengesahkan ianya h}asan dalam Sharh} al-Sunnah (1:205 #102 isnâd sahih),

Ibn al-Athîr dalam Jâmi` al-Us}ûl (1:187, 1:279), Ibn `Asâkir dalam al- Arba`în al-Buldâniyyah (hal. 121), Ibn

`Abd al-Barr dalam al-Tamhîd (21:278-279) dan Jâmi` Bayân al-`Ilm (2:924 #1758) di mana beliau mengesahkan ianya sahih, dan lain-lain.

12 Ibn al-Athîr, al-Nihâya (1:79 'b-d-`).

13 Ibn `Abd al-Salâm, al-Fatâwâ al-Maws}iliyyah (hal. 129).

14 Ibn `Abd al-Salâm, al-Qawâ`id al-Kubrâ (2:337-339) cf. al-Nawawî dalam al-Adhkâr (cetakan Thaqâfiyyah. hal. 237) dan Tahdhîb al-Asma' wal-Lughât (3:20-22), al-Shât}ibî dalam al-I`tisâm (Beirut, 1:188), al-Kirmânî

in al-Kawâkib al-Darârî (9:54), Ibn H}ajar dalam Fath. al-Bârî (13:253-254), al-Suyût}î, mukaddimah beliau pada Husn al-Maqsid dalam al-H}âwî lil-Fatâwâ; al-Haytamî, Fatâwâ H}adîthiyya (hal. 150), Ibn `âbidîn, Radd al-Muhtâr (1:376) dan lain-lain.

kehebatannya iaitu, Abû Muh}ammad `Abdul-`Azîz ibn `Abdul Salâm – Moga-moga Allâh mengasihannya! – menyebut di akhir buku beliau, *al-Qawâ`id* [al-Kubrâ]:

“Bid`ah itu terbahagi kepada perkara-perkara wajib  
(*wâjibat*), Haram

(*muha}*

*rramat*), Sunat (*mandûbat*), Makruh (*makrûhat*), dan Harus (*mubâh}at*).

Jalan untuk menilai sesuatu Bid'ah itu ialah dengan melihat berpandukan kaedah Shari'at (*qawâ'id al-sharî'ah*). Jika ianya jatuh dalam kategori kewajiban (*îjâb*) maka jadilah ia Wajib, jika ia termasuk dalam keharaman maka jadilah ia Haram; jika digalakkan maka jadilah ia Sunat, dikeji maka jadilah ia Makruh dan seterusnya yang selainnya ialah Harus.<sup>15</sup>

(h) Sokongan Ibn Hajar terhadap Imam al-Izz

Hafiz Ibn Hajar berkata:

Akar kata perkataan 'bid'ah' itu ialah sesuatu yang direka tanpa ada dulunya sebelum ini. Ianya digunakan dalam Shari'at sebagai lawan kepada Sunnah, dan oleh itu dikeji. Jika diteliti, sekiranya ianya termasuk dalam apa yang digalakkan oleh Shari'at, maka ia termasuk dalam bid'ah baik (*bid'ah hasanah*), dan jika ia termasuk

dalam perkara yang dikeji maka ianya adalah bid'ah buruk (*mustaqbaha*)

h). Selain

daripada itu ianya diharuskan (*mubâh*). Ianya juga boleh dibahagikan kepada lima kategori.<sup>16</sup>

(i) Itt} i} faq 'Ulama' berhubung Klasifikasi Imam al-Izz

Para ulama' dalam empat Mazhab bersetuju dengan klasifikasi lima hukum bagi Bid'ah yang dibuat oleh Imam al-Izz sepertimana yang telah disebutkan di atas, dengan turut dipersetujui oleh majoriti besar para 'ulama' terkemudian setiap Mazhab seperti berikut:

(1) Di kalangan 'ulama Mazhab H}anafî: al-Kirmânî, Ibn `âbidîn, al-Turkmânî, al-

`Aynî, dan al-Tahânwî.17

(2) Di kalangan 'ulama Mazhab Mâlikî: al-T}urt}ûshî, Ibn al-H}âjj, al-Qarâfî, dan al-Zurqânî, kecuali al-Shât}ibî yang cuba menafikannya dengan mendakwa klasifikasi Imam al-Izz itu sebagai "bid'ah tanpa ada dalil dalam Shari 'at"!18

15 Al-Nawawî, Tahdhîb al-Asmâ' wal-Lughât (3:20-22).

16 Ibn Hajar, Fath. al-Bârî (cetakan 1959 5:156-157= cetakan 1989 4:318).

17 Al-Kirmânî, al-Kawâkib al-Darârî Sharh} Sah}îh} al-Bukhârî (9:54), Ibn `âbidîn, H}âshiya (1:376, 1:560); al-

Turkmânî, al-Luma` fîl-H}awâdith wal-Bida` (Stuttgart, 1986, 1:37); al-Tahânwî, Kashshâf Ist}ilâh.at al-Funûn (Beirut, 1966, 1:133-135); al-`Aynî, `Umdat al-Qârî dalam al-H}imyarî, al-Bid`at al-H}asanah (hal.

152-153).

18 Al-T}urt}ûshî, Kitâb al-Hawâdith wa al-Bida` (hal. 15, hal. 158-159); Ibn al-H}ajj, Madkhal al-Shar` al-Sharîf

(Cairo, 1336/1918 2:115); al-Qarâfî, al-Furûq (4:219) cf. al-Shât}ibî, al-I`tis}âm (1:188-191); al-Zurqânî, Sharh} al-Muwatt} }a' (1:238). I`tis}âm Imam al-Shât}ibî' telah diedarkan semula oleh dua tokoh Wahabi: Rashîd Rid}â dan kemudiannya Salîm Hilâlî. Wahhâbî yang ketiga ialah Muh}ammad `Abdul Salâm Khad}ir al-

Shuqayrî – iaitu anak murid kepada Rashid Rid}a. Al-Shuqayrî adalah pengarang al-Sunan wal-Mubtada`ât al-Muta`alliqah bil-Adhkâr wal-Salawât yang beliau penuhi dengan pelbagai cerita-cerita dongeng yang

tidak dapat disahkan, yang kemudiannya beliau mengecamnya tanpa berlengah.

(3) Sepakat (*ijma'*) di kalangan sekalian ulama' Mazhab Shâfi`î.19

(4) Keenganan menerimanya di kalangan ulama Mazhab H}anbalî yang terkemudian, dengan mengubah istilah Imam al-Shâfi`î dan Imam al-Izz ibn `Abdul-Salâm dengan masing-masing membawa maksud "bid'ah dari segi bahasa" (*bid'ah*

*lughawiyya*) dan “bid’ah dari segi syarak” (*bid’ah shar’iyyah*). Walaupun ini tidak tepat, mereka cuba memadamkan apa yang Imam al-Shâfi’î sebutkan sebagai “dibenarkan” dan “dikeji”.<sup>20</sup> Inilah pendekatan yang sering dibawa oleh golongan Wahabi dengan memecah-mecahkan sesuatu isu sepertimana berlaku dalam isu bid’ah ini, walaupun sepatutnya pendekatan sebenar ialah berpandukan klasifikasi yang telah dibuat oleh majoriti ulama’ (*jumhûr*).

Shaykh Muhammad Bakhîr al-Mutî’î menyimpulkan:

“Bid’ah dari segi Syarak ialah yang sesat dan dicela; adapun bid’ah yang para

‘ulama membahagikan kepada kepada Wajib dan Haram dan seterusnya itu, adalah Bid’ah dari segi bahasa, yang lebih luas dari Bid’ah dari Syarak kerana Syarak itu juga sebahagian darinya.”<sup>21</sup>

Al-Shawkânî merumuskan di dalam *Nayl al-Awtâr* iaitu asas kepada pembahagian bid’ah adalah “baik” dan “buruk”, dan inilah pandangan yang paling kukuh dan kuat sekali.<sup>22</sup>

Memadailah apabila majoriti Imam Mujtahid dari kalangan Salaf menyatakan sedemikian berdasarkan dalil-dalil al-Qur’ân and Sunnah, walau apapun yang dikatakan oleh ulama’ terkemudian – samada oleh ‘ulama bakal murajjih’ seperti al-Shawkânî atau ‘ulama bakal penyunting’ seperti al-Shâtîbî. Kerana pendirian ini telah disepakati (*ijma’*) di kalangan para ulama’ Mazhab al-Shâfi’î dan juga selari dengan pesanan Rasulullah agar kita mengikuti jalan para Mu’min dan mengikut pendapat [ulama’] ramai.

**“Dia bukanlah seorang Imâm dalam `Ilmu apabila mengikut pandangan yang ganjil/terpencil (shâhdh)**

(`Abdul-Rahmân ibn Mahdî). Dan Allah jua Yang Maha Mengetahui

Nirmanas/20060322

Source: [http://www.livingislam.org/n/sdb\\_e.html](http://www.livingislam.org/n/sdb_e.html)

\*\*\*

19 Abû Shâma, al-Bâ'ith `alâ Inkâr al-Bida` wa al-H}awâdith (Riyad: Dâr al-Raya, 1990, hal. 93, cetakan Cairo hal. 12-13) dan juga apa yang ditelah disebut sebelum ini. Perhatian: "ijmâ` adalah lebih menyeluruh dari "ittifâq" dan ianya mengikat dari segi hukum.

20 Ibn Rajab, al-Jâmi` fîl-`Ulûm wal-Hikam (2:50-53), dan Ibn Taymiyyah memperkatakan tentang bid`ah dalam kitab beliau Iqtidâ' al-Si}rât. al-Mustaqîm Mukhâlafat As}h}âb al-Jah}îm. Ini juga merupakan pendirian

Ibn Kathîr, lihat tafsiran beliau pada ayat 117 Surah al-Imrân, dalam Tafsîrnya. Beliau sependirian dengan gurunya, Ibn Taimiyyah.

21 Bakhît, Fatâwâ Hadîthiyyah (hal. 205).

22 Al-Shawkânî, Nayl al-Awt}âr (4:60).

#### Komentar Penterjemah

- Jelas sekali berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan di atas membuktikan bahawa para ulama' di kalangan empat Mazhab Ahlul Sunnah wal Jamaah, secara majoritinya, (manakala ijma' di kalangan ulama Mazhab Shafi'e) telah menerima pembahagian

bahawa di sana ada dua bentuk bid'ah, iaitu yang 'baik'(hasanah) dan yang 'buruk'

(sayyi'ah/d}alalah). Ini sekaligus menolak pandangan ganjil dan keseorangan (shadhhdh) Imam al-Shatibi dalam I'tisomnya, yang menentang pembahagian bid'ah sedemikian, dan juga pandangan mereka yang bersamanya yang mendakwa semua 'perkara baharu' itu bid'ah sesat (bid'ah d{alalah/sayyi'ah) belaka.

- Adapun mereka yang mengemukakan hujah-hujah para Imam Mazhab dan imam-imam besar lain yang kononnya menolak dan menentang amalan yang dikatakan "bid'ah", penolakan para Imam itu sebenarnya adalah terhadap bid'ah dalalah, iaitu bid'ah yang bertentangan dengan Shari'at, kerana para imam-imam ini dalam masa yang sama di tempat yang lain jelas sekali mengakui dan menerima wujudnya dua kategori bid'ah: baik dan buruk.
- Dakwaan bahawa kalimah "bid'ah" yang diungkapkan oleh Saidina Umar r.a. hanya bermaksud 'bid'ah dari segi bahasa', dan justeru itu sekaligus para ulama telah tersilap faham merupakan suatu tanggapan memperlekehkan keilmuan dan kepakaran bahasa para ulama' besar seperti Imam Shafi'e, Imam al-Ghazali, Imam al-Izz dan lain-lain, seolah-olah mereka ini jahil tidak tahu membezakan antara 'bid'ah dari segi bahasa' dan 'bid'ah dari segi syarak'. Imam Mazhab, Mujtahid Mutlaq, Hujjatul Islam, Sheikhu'l Islam dan Sultan al-'Ulama' adalah antara gelaran-gelaran yang diberikan terhadap para ulama ini sudah cukup menggambarkan kehebatan keilmuan dan kewibawaan mereka.
- Perlu kita akui bahawa para ulama' silam teramat mengerti dan arif apa yang dimaksudkan oleh Saidina Umar r.a. dengan ungkapan kalimah "bid'ah" itu. Mereka juga tahu dan amat mengerti bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri pernah melakukan Solat Terawih secara berjemaah untuk dua malam pertama di bulan Ramadhan sepertimana Hadith Aisyah r.a. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Namun mereka tetap menggunakan hujah perlakuan Saidina Umar itu untuk mengatakan bahawa di sana ada bid'ah hasanah dan bid'ah d}alalah. Adalah sesuatu yang ganjil tiba-tiba ada

'ulama mutaakhir termasuk ulama' kurun ke-20 ini mula mempertikaikan dan menolak hujah para ulama besar seperti Imam Shafi'e, Imam Ghazali dan lain-lain yang telah menggunakan kata-kata Saidina Umar itu tadi sebagai dalil mereka.

- Setiap amalan dalam masyarakat kita perlu dinilai dan diteliti dengan cermat berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ada ketikanya amalan mereka itu merupakan bid'ah hasanah, ada juga ketikanya bid'ah dalalah dan khurafat yang mesti ditentang, dan ada juga ianya merupakan persoalan khilafiyah (perbezaan pendapat di kalangan



'ulama'). Adalah terlalu cetek pemikiran melabelkan semua perlakuan yang tiada nas}}

khusus mengenainya, di dalam satu bakul yang sama sebagai bid 'ah dalalah atau

sayyiah.

\*Dan Allah jua Yang Maha Mengetahui\*

---

## Jangan Muda Mendhaif dan Memalsukan Hadith

Hari ini dianjurkan "semak status hadith" kerana kononnya banyak hadith dhaif dan palsu berlegar. Dari satu segi nampak ada kebenaran dan logik pernyataan tersebut khususnya di kalangan orang awam yang tidak mengerti apa-apa. Cuma persoalannya adakah sesiapa di kalangan kita memiliki kepakaran untuk menyemak status sesuatu hadith itu? Muhaddith ke kita atau sekadar menggunakan carian di internet? Kalau membuat carian di internet Itu bukan semak status hadith namanya, itu sekadar taqlid buta kepada internet atau secara khusus pemilik laman web tersebut.

Seperkara lagi laman mana yang boleh disemak? Memang banyak laman-laman web yang melakukan semakan hadith atau takhrij hadith, tetapi semakan mereka masih juga merujuk ulama-ulama dan muhaddithin muktabar, mutaqaaddimin yang pelbagai fikrah dan ragam. Kita nak menyemak nak rujuk laman mana yang ada kredibiliti, jujur dan bukan cuba menyogokkan agenda tersembunyi mereka dan mempromosikan faham mereka? [Islamweb?](#), [Ahlahadeeth?](#) atau [Dorar?](#) Itu semua antara laman-laman web yang sering dirujuk selain banyak lagi. Tetapi bagi yang arif akan mengerti dan faham siapa di sebalik pembangun laman-laman tersebut dan status semakan bagaimana yang akan ditonjolkan dan "menenggelamkan" semakan ulama yang tidak selari dengan fikrah mereka.

Untuk orang awam, jangan mudah terikut dengan segolongan agamawan yang mudah-mudah **mendhaifkan** dan **memalsukan** sesuatu hadith. Jika hukum berdusta menuduh Nabi SAW berkata sesuatu yang tidak Baginda SAW katakan itu akan menempatkan diri dalam neraka, sepertimana Sabda Baginda SAW **مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ ، فَلَا يَتَّبِعُونِي مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ** "Sesiapa yang berdusta atas namaku, akan menempatkan dirinya dalam Neraka" bagaimana pula hukum menuduh Nabi SAW tidak berkata sesuatu yang Baginda SAW pernah katakan? Adakah hukumnya juga tidak sama? Adakah itu juga tidak dikira berdusta atas nama Nabi SAW?

Seperkara lagi jangan mudah-mudah menyamakan hadith dhaif itu juga hadith

palsu. Rujuk para ulama mutaqqaddimin dalam memutuskan status sesuatu hadith dan bukannya ulama moden yang kredibiliti mereka amat diragui.

Di bawah ini ialah kisah Alqamah yang hebat didebatkan baru-baru ini kononnya Palsu walhal ianya tidak jelas Palsu, walaupun mungkin kisah tersebut ada lemahnya.

Tahniah sahabat saya YM Ustaz Raja Ahmad Mukhlis yang begitu cermat dalam meneliti isu ini dengan begitu teliti sekali, satu persatu diperhalusi.

---

Oleh : Ustaz Raja Ahmad Mukhlis

Komentar kepada Komentar: Berkenaan Kisah Alqamah

September 2, 2015 at 10:36am

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat ke atas Saidina Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, ahli keluarga dan seterusnya para sahabat Baginda,.. amma ba;du... Alhamdulillah, komen-komen sya diberi perhatian sedang saya ini siapalah sahaja orangnya, yang sudah menegaskan bahawa bukan berniat untuk menilai dan menghukum sesuatu hadith, kerana saya yakin [ketidaklayakan saya](#) untuk masuk ke gelanggang ini, yang mana ianya medan para nuqqod yang kukuh kaki keilmuan mereka di atasnya. Perkataan beliau:

1. Penulis seolah-olah mahu membayangkan kepada umum bahawa saya menyatakan riwayat itu palsu secara sepakat ulama. Saya cabar penulis di mana saya katakan kisah ini palsu secara sepakat? Saya konsisten dalam tulisan saya yang lalu bahawa kisah ini matruk (terlalu daif). "Cuma sebahagian ulama menyatakan ia palsu" kerana mereka menyandarkan pandangan kepada pandangan al-Hakim.

Jawapan saya:

"Bayangan" itu tidak benar. Saya sekadar mempertikaikan penilaian palsu kisah tersebut kerana saya percaya dhoif dan palsu itu sangat berbeza. INi telah ditegaskan dalam point pertama. Oleh sebab itulah, ramai ahli hadith mengkritik kitab al-Maudhu'at oleh al-Imam Ibn al-Jauzi kerana terlalu senang menjadikan sesuatu hadith tersebut dinilai palsu, tanpa dalil. Kita semua tahu, sesuatu hadith itu tidak akan sampai tahap sahih melainkan dengan lima syarat yang diketahui umum dalam bidang mustolah hadith. Jika kurang atau gugur salah satu syarat sahaja, maka ianya jatuh ke tahap di bawah sahih, samada ianya hasan, jika kekurangan syarat tersebut masih ringan, ataupun dha'if bahkan sehingga ke tahap sangat lemah jika kekurangan syarat tersebut sangat berat. Tetapi, sekurang mana pun syarat kesahihan sesuatu hadith, sehingga jatuh ke tahap dhaif (hatta dha'if jiddan sekalipun), tidak menyebabkan sesuatu hadith itu palsu, melainkan ada salah satu daripada dua sebab (mengikut ramai ulama' hadith) iaitu i'tiraf pemalsu hadith bahawa hadith yang diriwayatkan itu palsu, ataupun ada "rukakah" dalam hadith tersebut yang hanya dapat dikesan oleh mereka yang sangat matang dalam penilaian hadith. Jika tiada salah satu daripada dua sebab utama ini, maka penilaian sesuatu hadith itu sebagai palsu dianggap sebagai menilai palsu

tanpa dalil. Jika sekadar kisah ini dinilai dha'if, kerana perawinya bernama Fa'id bin Abd al-Rahman Abu al-Warqa' itu dha'if, maka itu adalah suatu perkara yang diterima dan tidak dipermasalahkan.

Cuma, berdasarkan screenshot (Danial Madani) dan perkataan beliau: ""Cuma sebahagian ulama menyatakan ia palsu"", maka saya tanyakan, siapakah ulama' yang mengatakan ia (yakni kisah ini) palsu, dari kalangan mutaqoddimun (ulama' hadith terdahulu).

Ini kerana, kisah ini diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad walaupun dengan kritikan tetapi tidak mengatakan ianya palsu. Begitu juga al-Imam al-Baihaqi meriwayatkannya dengan memberi komen sanadnya yang lemah, tetapi tidak mengatakan ianya palsu. Ianya juga diriwayatkan oleh al-Imam Ibn Abi al-Dunya dalam kitab al-Muhtadiriin, al-Rafi'ie dalam al-Tadwin dan sebagainya. Mereka yang meriwayatkannya tanpa menilai ianya palsu menunjukkan mereka tidak pernah menilainya sebagai tidak sah untuk diriwayatkan ataupun palsu. Apatah lagi, al-Imam al-Zahabi, empunya kitab Siyar A'lam al-Nubala' dan Mizan al-I'tidal, yang pasti mengenali perawi bernama Fa'id ini, dan penilaian para nuqqad tentangnya, masih meriwayatkan kisah ini secara terperinci dalam kitab al-Kaba'ir walaupun dengan lafaz atau shighah tamrid. Tetapi, tidak pula dengan sebab perawi yang di tajrih ini menyebabkan "kisah" ini dinilai palsu. Maka, saya tanya, siapakah dalam kalangan ulama' mutaqoddimun yang menilai kisah ini palsu, dengan sebab perawi bernama Fa'id ini melainkannya? Ibn al-Jauzi yang mana kitab al-Maudhu'at beliau dikritik ramai para ulama' hadith kerana bermudah-mudahan dalam menilai hadith sebagai palsu termasuk hadith-hadith yang diriwayatkan dalam kitab sunan dan musnad Ahmad?

Beliau berkata:

2. Penulis seolah-olah mahu menyatakan bahawa terdapat khilaf dalam status perawi yang bernama Faid Abu al-Warqa'. Dengan alasan berikut:

i. Ibn Adiy menyatakan beliau sebagai perawi daif yang ditulis hadisnya.  
– Saya katakan pandangan Ibn Adiy ini sebenarnya menyanggahi majoriti ulama al-Jarh wa al-Taadil. Tidakkah al-Bukhari menyatakan beliau munkar al-Hadith? Bukankah Imam Ahmad menyatakan beliau Matruk al-Hadith (riwayatnya ditinggalkan)? Bukankah Abu Hatim al-Razi dan Abu Zur'ah juga menilai beliau terlalu daif sehingga riwayatnya tidak terpakai? Bahkan al-Nasaie juga berkata demikian. Akhirnya yang menggembirakan saya ialah Ibn Hajar juga dalam Taqrib al-Tahzib menilai beliau sebagai perawi matruk dan sebahagian ulama hadis menuduhnya berdusta. Mengapa penulis tidak nyatakan sebab mengapa beliau memilih pandangan Ibn Adiy dan meninggalkan pandangan majoriti jaguh-jaguh hadis ini?

Saya katakan:

Kenapa beliau suka menggunakan perkataan "seolah-olah"? Saya menetapkan semua penilaian para nuqqad dalam komen-komen saya, termasuk yang memberi penilaian positif. Semua penilaian yang beliau berikan sudah saya sebutkan sebahagian besarnya, sebagaimana saya nukilkan daripada Tahzib al-Kamal, al-Dhu'afa' al-Kabir dalam point ketiga saya. Kemudian saya juga menukilkan juga sebahagian penilaian daripada Tahzib al-Tahzib. Pandangan Ibn 'Adiy bukan

pilihan saya untuk menolak penilaian para nuqqod yang lain, tetapi sekadar menunjukkan memang ada khilaf dalam kalangan para ulama' hadith. al-Imam al-MUbarakfuri menukarkan dalam Tuhfah al-Ahwazi tentang Fa'id ini bahawa al-Hafiz al-Munziri mengatakan, para thiqah juga ada meriwayatkan daripadanya. Antaranya disebutkan oleh al-Imam IBn Hajar dan sebagainya, bahawa antara yang meriwayatkan dariapda Fa'id ini adalah al-Imam al-Tirmizi, al-Imam Ibn Majah dan Hammad bin Salamah. Ia sekadar menunjukkan, masih ada ruang penilaian para ulama' lain terhadap beliau, menunjukkan tidaklah beliau boleh dinilai sebagai sebab kisah ini dinilai palsu.

Beliau katakan:

ii. Berkaitan penilaian al-Tirmizi dan al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman.

1. Kenyataan al-Tirmizi **يضعف في الحديث** terlalu mujmal (umum dan tidak dinyatakan sebab). Maka kita mesti meneliti sebabnya. Maka apabila telah jelas kedaifannya disebabkan oleh Fa'id Abu al-Warqa' maka jelaslah bahawa ia daif berat. Cuba semak perawi yang dikatakan oleh al-Tirmizi dengan lafaz yang sama kepada perawi yang bernama Hafs bin Sulaiman. Bukankah Imam al-Tirmizi menyatakan beliau juga **يضعف في الحديث**? Cuba semak apa kata ulama hadis tentang Hafs:

- kata al-Bukhari: Ulama hadis meninggalkan (riwayat)nya.
- Kata soleh Jazarah: tidak ditulis hadisnya
- kata Ibn Adiy: kesemua hadisnya tidak terpelihara.
- kata ibn maien: tiada nilai

2. Kenyataan al-Baihaqi juga terlalu umum. Jika saya dianggap tidak berhati-hati kerana menyatakan hadis ini matruk (terlalu daif) bagaimana pula dengan Imam Ahmad? Bukankah beliau juga mengarahkan anaknya supaya membuang riwayat ini dari musnadnya kerana Fa'id Abu al-Warqa' ini bertaraf matruk? Mari kita lihat apa kata anak Imam Ahmad:

فلم يحدثنا أبي بهذين الحديثين ضرب عليهما من كتابه لأنه لم يرض حديث فائد بن عبد الرحمن أو كان عنده متروك الحديث

Maksudnya: Ayah saya tidak meriwayatkan kepada kami dengan dua hadis ini (antaranya ialah kisah Alqamah). Beliau membuangnya dari kitabnya (musnad) kerana beliau tidak redha dengan Fa'id atau Fa'id matruk di sisinya (Rujuk: Musnad Ahmad, jld. 4, hlm. 382)

Penulis juga mungkin mengetahui bahawa Imam Ahmad tidak membuang mana-mana riwayat dalam musnadnya melainkan ia terlalu daif. (Rujuk: Ibn Hajar, al-Nukat, jld. 1, hlm. 473)

Jawapan saya:

Saya merujuk al-Imam al-Baihaqi bukan untuk menyaingi pendapat al-Imam Ahmad, tetapi menunjukkan bahawa kisah ini tidak palsu. Bahkan, di sisi al-Imam Ahmad sendiri, matruk al-hadith pun tidak menunjukkan kisah ini palsu sebagaimana yang saya cuba pertahankan. Tidak ada daripada awal saya cuba mensahihkan kisah ini. Tetapi, saya cuba menjelaskan ianya dari pelbagai sudut, tidak mungkin dituduh sebagai kisah yang palsu dan

perawi kisah ini boleh dituduh sebagai dibelit oleh Iblis.

Kata beliau:

3. Mengenai al-Tirmizi dan Ibn Majah meriwayatkan dari Faid.

– Saya keliru dengan hujah ini. Di manakah kedua-dua tokoh ini kata bahawa setiap perawi yang hadisnya ada dalam kitab mereka maka hadisnya boleh diterima? atau hadisnya daif ringan? Bukankah masih terdapat hadis terlalu daif dalam kedua-dua kitab ini? Mengapa ada hadis terlalu daif? Jawapannya kerana syarat piawaian mereka dalam sunan mereka bukan seperti syarat Bukhari dan Muslim yang mensyaratkan hanya hadis sahih sahaja yang boleh disebut dalam sahih mereka. Orang yang belajar ilmu metodologi muhaddithin pasti tahu perkara ini.

Jawapan saya:

Kalau faham apa yang saya cuba timbulkan, dia tidak akan keliru. Ia bertujuan untuk menetapkan bahawa riwayat Fa'id ini tidak sampai ke tahap boleh dinilai palsu, sebagaimana asas yang cuba saya pertahankan daripada awal. Tidak menafikan bahawa ia dinilai dhaif. Walaupun al-Imam al-Tirmizi dan al-Imam Ibn Majah tidak sampai tahap Sahih al-Bukhari dan Muslim, tetapi kutub sittah masih ada kedudukannya yang mana "orang yang belajar ilmu metodologi muhaddithin pasti tahu perkara ini."

Beliau berkata lagi:

4. Akhirnya, adakah riwayat ini boleh digunakan dalam Fadhail A'mal atau dalam Tarhib?

– Saya katakan syarat fadhail amal ialah hadis tersebut mestilah daif yang ringan. Kisah Alqamah ini daifnya berat.

Kesimpulannya, jika terus berdegil mahu gunakan riwayat ini maka silakan. Cuma persiapkanlah hujah di hadapan Alqamah nanti kerana kita memburukkan peribadinya. Biarlah kita menahan lidah dari mencerca sahabat kerana kisahnya terlalu daif dari kita terus membawa cerita buruknya sedangkan belum pasti dia melakukannya. Adapun saya yang berpegang bahawa kisah ini matruk (terlalu daif), jika saya sesat dengan pandangan ini, maka bagaimana dengan Imam Ahmad? Fikirkanlah bagi mereka yang mahu berfikir.

Saya menjawab:

Bukan saya yang berdegil, tetapi kalau meriwayatkan kisah ini dinamakan berdegil, maka al-Imam al-Baihaqi, al-Imam Ibn Abi al-Dunya, al-Imam al-rafi'e, al-Imam al-Zahabi dan ramai lagi para ulama' yang meriwayatkan kisah ini telah "berdegil". Sudah pasti mereka lebih faham adab kepada para sahabat radhiallahu 'anhum ajma'in. Bahkan, kisah ini menunjukkan keagungan para sahabat radhiallahu 'anhum sendiri ketika Allah swt menyelesaikan kekhilafannya di dunia. Berdasarkan cerita yang lebih terperinci, kekhilafan itu bukanlah suatu yang disengajakan, tetapi sekadar terlepas pandang. Bahkan, kisah ini diriwayatkan tanpa disebut nama dalam kebanyakan riwayat. Jika disebutkan pun, sekadar dikatakan, pemuda bernama alQamah, tanpa disebut

ayahnya dan sebagainya. Biar apapun kesalahan yang dilakukan oleh sebahagian para sahabat radhiallahu 'anhum, kerana mereka tidak ma'shum, tetapi mereka adalah sebaik-baik generasi kerana bersambung dengan semulia-mulia insan, iaitu Saidina Rasulullah shollallahu 'alaihi wasallam. Kesalahan dalam kalangan mereka adalah kesalahan sebaik-baik generasi untuk pelajaran kita semua, kerna mereka adalah generasi yang dididik oleh Saidina Rasulullah shollallahu 'alaihi wasallam, yang sentiasa menyempurnakan diri mereka.

Tiada siapa menyesatkan sesiapa. Apa yang ditimbulkan daripada tajuk pertikaian saya "tidak sah dan palsu"- katanya. Palsu tu yang saya pertikaikan daripada point pertama lagi. Bahkan, tidak timbul siapa pun dibelit oleh Iblis dan mudah2an kita semua dikurniakan ilmu dan adab. amiin...

Akhirnya kita bersetuju bahawa, kisah ini tidak jatuh ke tahap palsu dengan sebab perawi ini.

Alhamdulillah.

Saya ulangi sebagai penutup, adapun komen2 yang saya berikan ini sedikitpun tidak termasuk dalam menilai hadith ini atau memberi sebarang penilaian hukum tertentu terhadap kisah ini. Namun, ianya sekadar menilai komen-komen yang menilainya sebagai palsu, dengan beberapa ta'liqat. Ala kulli hal, saya bukanlah seorang naqid atau penilai sanad hadith sehingga layak memasuki gelanggang atau medan ini. Tetapi, selagimana tiada para nuqqad mutaqqoddimin menilai kisah ini sebagai palsu, maka saya masih berpendirian ianya tidak sampai ke tahap palsu. Apatah lagi ianya diriwayatkan oleh beberapa imam hadith seperti al-Baihaqi, IBn Abi al-Dunya dan sebagainya.

Wallahu a'lam..

Raja Ahmad Mukhlis

---

## [A Hadith on Fasting In Rejab](#)

Imam al-Nawawi said:

"Neither prohibition nor praiseworthiness has been established for the month of Rajab in itself, HOWEVER,

(1) the principle concerning fasting is that it is **praiseworthy** in itself, and

(2) in the Sunan of Abu Dawud the Prophet has made the **fasting of the sacred months praiseworthy**, and Rajab is one of them."

### **A Hadith On Fasting in Rajab**

1. `Uthman ibn Hakim al-Ansari said: "I asked Sa`eed ibn Jubayr about

fasting in Rajab, and we were then passing through the month of Rajab, whereupon he said: "I heard Ibn `Abbas saying: "The Messenger of Allah used to observe fast so continuously that we thought he would not break it, and did not observe it so continuously that we thought he would not observe fast." Muslim and Abu Dawud relate it in *Kitab al-sawm*, respectively in the chapter on fasting at times other than Ramadan, and in the chapter of fasting during Rajab.

Imam Nawawi says: "It would appear that the meaning inferred by Sa`eed ibn Jubayr from Ibn `Abbas's report is that fasting in Rajab is neither forbidden nor considered praiseworthy in itself, rather, the ruling concerning it is the same as the rest of the months. Neither prohibition nor praiseworthiness has been established for the month of Rajab in itself, however, the principle concerning fasting is that it is **praiseworthy in itself**, and in the Sunan of Abu Dawud(\*) the Prophet has made the fasting of the sacred months praiseworthy, and Rajab is one of them. And Allah knows best." Sharh Sahih Muslim Kitab 13 Bab 34 #179.

(\*) Kitab al-siyam, Chapter: "Fasting During the Sacred Months". Also in Ibn Majah and Ahmad, hadith of the man who repeats: "I can bear more," and to whom the Prophet finally says: "Fast during the sacred months."

It is established that Ibn `Umar fasted during the sacred months: Musannaf `Abd al-Razzaq 4:293, Musannaf Ibn Abi Shayba 1:125.

2. Abdullah, the freed slave of Asma' the daughter of Abu Bakr, the maternal uncle of the son of `Ata', reported: "Asma' sent me to Abdullah ibn `Umar saying: "The news has reached me that you prohibit the use of three things: the striped robe, saddle cloth made of red silk, and fasting the whole month of Rajab." Abdullah said to me: "So far as what you say about fasting in the month of Rajab, how about one who observes continuous fasting? And so far as what you say about the striped garment, I heard `Umar ibn al-Khattab say that he had heard from Allah's Messenger : "He who wears a silk garment, has no share for him (in the Hereafter)." And I am afraid that stripes were part of it. And so far as the red saddle cloth is concerned, here is Abdullah's saddle cloth [=his] and it is red. I went back to Asma' and informed her, so she said: "Here is the cloak (jubba) of Allah's Messenger ," and she brought out to me that cloak made of Persian cloth with a hem of (silk) brocade, and its sleeves bordered with (silk) brocade, and said: "This was Allah's Messenger's cloak with `A'isha until she died, then I got possession of it. The Apostle of Allah used to wear that, and we washed it for the sick so that they could seek cure thereby." Muslim relates in the first chapter of Kitab al-libas.

Nawawi says: "Ibn `Umar's reply concerning fasting in Rajab is a denial on his part of what Asma' had heard with regard to his forbidding it, and it is an affirmation that he fasted Rajab in its entirety as well as fasting permanently, i.e. except the days of `Id and tashreeq. This is his madhhab and the madhhab of his father `Umar ibn al-Khattab, `A'isha, Abu Talha, and others of the Salaf as well as Shafi'i and other scholars. Their position is that perpetual fasting is not disliked (makruh)."

[Another opinion is reported from Ibn `Umar through a hadith from Ahmad reported in "al-Mughni" 3:167 whereby he disliked that people fast the whole of Rajab but said: "Fast some of it and break fast in some of it."]

\* \* \* \* \*

Nawawi adds: "In this hadith is a proof that it is recommended to seek blessings through the relics of the righteous and their clothes (wa fi hadha al-hadith dalil `ala istihbab al-tabarruk bi aathaar al-salihin wa thiyabihim)." Sharh sahih Muslim Kitab 37 Bab 2 #10.

3. Bayhaqi relates in Shu`ab al-iman (#3802):

Abu Abdallah al-Hafiz and Abu Muhammad ibn Abi Hamid al-Muqri said: from Abu al-`Abbas al-Asamm, from Ibrahim ibn Sulayman al-Barlisi, from Abdallah ibn Yusuf, from `Amer ibn Shibl, who said: "I heard Abu Qilaba say:

*"There is a palace in Paradise for those who fast the month of Rajab."*

Bayhaqi adds: "Even if it is mawquf at Abu Qilaba (i.e. not traced back to the Prophet) who is one of the Successors, such as he does not say such a saying except if it were related to him by someone who had heard it from him to whom revelation comes (i.e. the Prophet ), and success is from Allah."

Blessings and Peace on the Prophet, his Family, and his Companions.

Sheikh Gibril Haddad

**For further reading:**

- [Muwasala.org](http://Muwasala.org)

---

## **Ilmu Tasawuf itu Roh Islam**

Dalam satu hadith yang agak panjang yang diriwayatkan daripada Sayyidina Umar ibn al-Khattab RA menceritakan bagaimana pada suatu hari ketika Baginda SAW sedang duduk bersama para Sahabat RAnhum, tiba-tiba datang seorang lelaki yang memakai baju serba putih, bersih dan tiada tanda kesan-kesan debu kerana musafir, masuk dan duduk mengadap Baginda SAW. Lelaki itu bertanyakan Baginda SAW berhubung dengan Islam, Iman, Ihsan, dan kiamat. Hadith ini amat terkenal dan dirakamkan dalam banyak kitab-kitab hadith termasuk Imam Nawawi RA menyebutnya dalam kitabnya yang terkenal "Hadith 40" Imam Nawawi.

Hadith ini menjelaskan kepada kita bahawa Islam itu mempunyai tiga komponen utama iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Islam merupakan apa yang kita panggil rukun Islam hari ini yang mengandungi lima perkara, manakala Islam itu pula apa yang dipanggil rukun Iman yang mempunyai enam perkara manakala Ihsan pula ialah prinsip "Hendaklah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau



melihatNya, jika engkau tidak melihatNya, yakinlah Allah melihatmu". Aspek Islam seringkali merujuk kepada perlakuan ibadat khususiah seperti solat, puasa, zakat, haji selain daripada mengucap dua kalimah Syahadah, manakala Iman pula merujuk kepada pegangan atau aqidah seseorang meliputi beriman kepada Allah, Hari Akhirat, para Rasul, para Malaikat Kitab-kitab dan Qada' dan Qadar. Namun tidak ramai yang memahami bahawa satu lagi komponen Islam iaitu Ihsan yang meliputi aspek batin atau akhlak dengan Allah SWT dan sekalian makhluknya juga perlu ditititberatkan.

Sejak sekian lama, para ulama seperti Imam al-Ghazali RA melihat bahawa disiplin ilmu yang mendalami ketiga-tiga aspek Islam ini iaitu Islam, Iman dan Ihsan perlu diajar kepada setiap muslim dan menjadi fardu ain kepada semua mukallaf untuk memahami dan mengamalkannya. Hari ini disiplin ilmu-ilmu itu dikenali sebagai fekah, akidah dan tasawuf.

Apa yang mendukacitakan kita sementara ilmu fekah dan akidah rancak diajar, namun ilmu tasawuf seolah dipandang serong oleh segelintir masyarakat seolah ianya bukan daripada ajaran Islam, bukan daripada tradisi keilmuan Islam. Ada yang menuduh kononnya sebagai ilmu saduran agama asing sehingga sanggup mentohmah tasawuf sejijik "air longkang".

Kalau diteliti, sejarawan seperti seperti Ibn Khaldun (w.1406) misalnya menyebut dalam kitabnya *Mukaddimah* bahawa tasawuf merupakan salah satu cabang daripada tradisi ilmu Islam manakala dalam *Shifa' al-sail* beliau membahaskan panjang lebar berhubung dengan kedudukan ilmu tasawuf. Begitu juga ulama-ulama dan sejarawan lain, rata-rata bersetuju bahawa ilmu tasawuf merupakan salah satu daripada cabang ilmu yang amat penting dalam pengajian Islam. Hari ini ada suara-suara yang alergik dengan nama ilmu "tasawuf", sebaliknya lebih selesa menggunakan nama "ilmu akhlak", "tazkiyatul nafs" atau seumpamanya sedangkan nama tasawuf ini sudah wujud ratusan tahun dulu tanpa ada sebarang penentangan pun. Antara alasannya kerana nama ilmu "tasawuf" itu tidak pernah wujud di zaman Nabi Muhammad SAW. Adakah nama ilmu-ilmu lain seperti ilmu "aqidah", "tajwid" "mustalahah hadith" dan lain-lain wujud dalam bentuk disiplin ilmu tersusun seperti hari ini? Sudah pasti juga tidak. Oleh itu wujudnya nama-nama disiplin ilmu tertentu yang tiada di zaman Nabi SAW tidak menjadi alasan untuk menolaknya jika prinsip-prinsipnya ada dalam agama.

### **Di mana pentingnya ilmu tasawuf?**

Pentingnya ilmu tasawuf ini ialah kerana ilmu tasawuf inilah ilmu yang mendidik kita untuk khusyuk dalam solat, ikhlas dalam ibadah, dan bersih daripada sifat-sifat keji (*mazmumah*) dan menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) sehingga kita mampu beribadah kepada Allah SWT "seolah-olah kita melihatNya, dan jika kita tidak melihatNya kita yakin Allah SWT melihat kita". Para imam Mazhab Empat begitu menekankan agar aspek-aspek batin ini diberi penekanan sepertimana pentingnya juga amalan zahir sehingga Imam Malik RA diriwayatkan menyebut "*sesiapa yang bertasawuf tetapi mengabaikan fekah, maka dia akan menjadi zindiq, manakala sesiapa memberatkan fekah mengabaikan tasawuf maka dia akan menjadi fasiq, sesiapa yang menggabungkan kedua-duanya maka dialah yang sebenarnya*"

Tasawuf merupakan disiplin ilmu yang amat penting lebih-lebih lagi di zaman

manusia rakus dengan dunia dan gilakan kemewahan kebendaan. Tanpa mendalami ilmu tasawuf, kita akan menjadi manusia berjasad tanpa roh. Kerosakan akhlak menjadi semakin berleluasa dan rasuah bermaharajalela kerana manusia tidak merasakan bahawa Allah SWT sedang memerhatinya.

>> artikel ini pernah diterbitkan dalam Berita Harian 11 April 2015

---

## **Berbeza Pendapat Tanpa Perlu Berbalah**

Setiap kita dibesarkan dalam suasana berbeda. Begitu juga dengan pendidikan yang kita lalui juga tidak sama antara satu sama lain. Memahami hakikat ini amat penting untuk kita dapat hidup aman damai, bersatu padu tanpa perlu bermusuhan dan bercakaran kerana disebabkan persekitaran kita dibesarkan, dan pendidikan yang kita lalui membuatkan kita mempunyai perspektif yang berbeda apabila menilai dan memberi pandangan terhadap setiap isu yang timbul. Ini benar untuk semua hal dalam kehidupan ini. Ini tidak bermakna kita menyokong faham "*relativisima*" atau nisbi yang beranggapan bahawa tiada kebenaran mutlak kerana semuanya bersifat relatif.

Al-Qur'an menyebut berhubung dengan perbezaan pendapat ini melalui Surah Hud 118-119, mafhumnya: "*Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka senantiasa berikhtilaf (berselisih pendapat). Kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka ... .*" Para ulama berbeda pandangan berhubung dengan tafsiran ayat ini adakah ia merujuk kepada perselisihan yang dimaksudkan itu dengan wujudnya agama Nasrani, Yahudi dan agama-agama lain di satu pihak dan Islam di satu pihak lain, di mana agama-agama lain itu digolongkan sebagai puak yang berselisih "*mukhtalifin*" manakala umat Islam termasuk dalam kalangan puak yang dirahmati Allah SWT, atau ia juga merujuk kepada perselisihan umum manusia dalam hal agama. Apapun, realiti yang berlaku hari ini jelas menunjukkan perbezaan pendapat juga wujud di kalangan umat Islam dan jika Allah SWT mahu, Allah Maha Berkuasa untuk menjadikan umat Islam mempunyai satu pandangan saja.

Dalam tradisi Islam, umat Islam sejak di zaman Baginda SAW lagi telah berselisih pendapat. Imam Bukhari dan Muslim meriwayatkan dalam Sahih, bahawa Baginda SAW berpesan kepada para Sahabat RA "Jangan kamu mendirikan Solat 'Asar sehingga kamu tiba di perkampungan Bani Quraizah". Sekumpulan mendirikan Solat Asar kerana bimbang mereka terluput mengerjakannya dalam waktunya, manakala sekumpulan lain tidak mendirikannya sehingga mereka tiba di Bani Quraizah dan ianya telah lewat sehingga matahari tenggelam. Apabila diajukan kepada Baginda Rasulullah SAW, Baginda tidak menyalahkan mana-mana pihak dan memahami bahawa mereka mentafsirkan arahan Baginda SAW mengikut kefahaman masing-masing.

Para ulama seringkali merujuk peristiwa ini sebagai contoh klasik bagaimana perbezaan pandangan dan tafsiran merupakan suatu yang lumrah dan tidak

tercela. Apa yang menyedihkan kita ialah apabila saban hari kita mendengar perbalahan dan perdebatan timbul disebabkan perbezaan pendapat dalam yang sepatutnya kita boleh berlapang dada. Apakah perlu kita bertelagah kerana berbeza pandangan sehingga mengeruhkan suasana, mewujudkan permusuhan dan konflik?. Para pendakwah perlu bijak menangani perbezaan pendapat agar mereka tidak menjadi seperti "orang politik" hari ini yang asyik bertelagah dan mencari peluang untuk menjatuhkan satu sama lain. Bagi orang politik, apa sahaja ruang dan peluang yang boleh digunakan untuk menjatuhkan musuh politik mereka atau peluang untuk memberikan kelebihan politik (*political mileage*), pasti akan dengan pantas merebutnya.

Pendakwah bukan seperti orang politik sekular hari ini, dan perbezaan pandangan di kalangan pendakwah sepatutnya ditangani dengan cermat dan berhemah. Masing-masing sepatutnya sentiasa mencari jalan bersangka baik dengan apa yang dituturkan. Inilah semangat al-Quran agar sentiasa bersangka baik (*husnul dhan*). Sayyidina Umar al-Khattab RA turut diriwayatkan ada menyebut "*Jangan kamu bersyak wasangka atas apa yang dituturkan oleh saudaramu melainkan beranggapan ianya baik*". Sebaiknya mengelakkan daripada berdebat kerana Islam tidak begitu menggalakkan kita berdebat kerana dikhuatiri akan membawa perpecahan, permusuhan dan sia-sia.

Dalam sebuah hadith daripada Abu Umamah yang menyebut bahawa Baginda Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya, "***Aku menjamin sebuah rumah di pinggir syurga bagi orang yang meninggalkan perdebatan sekalipun ia benar, dan sebuah rumah di tengah syurga bagi orang yang meninggalkan dusta, dan sebuah rumah di puncak syurga bagi orang yang memperelokkan akhlaknya.***" (H.R. Abu Dawud)

Namun ada ketikanya walaupun dengan bersangka baik dan kita cuba mengelak daripada berdebat, kita masih merasakan ada sesuatu yang tidak kena dengan pandangan atau pendirian yang diberikan oleh orang lain itu dan merasakan bertanggungjawab atas amana ilmu membetulkan, maka lakukanlah dengan penuh hikmah dan bijaksana.

Banyak garis panduan yang telah disediakan oleh para ulama berhubung dengan tatacara berdebat supaya kita tidak melampaui batas dan adab ketika berdebat. Bahkan para ulama seperti Imam al-Ghazali, Imam Nawawi RA turut memberikan beberapa istilah yang mungkin ada sedikit berbeza dari segi makna apabila merujuk kepada perbezaan pandangan dan perdebatan seperti: *khilaf, jidal, munazarah, mira'a dan khusumah*. Mematuhi adab yang digariskan oleh para ulama ini akan membawa perdebatan itu kepada sesuatu yang benar, manakala melanggarnya boleh membawa kepada perdebatan yang batil dan sia-sia. Dalam rencana yang terbatas ini, dinukilkan beberapa adab untuk renungan bersama.

### **Berdebat Demi Kebenaran**

Matlamat perdebatan perlu jelas demi mencari kebenaran dan bukannya kemenangan. Seringkali terjadi di kalangan kita yang berdebat untuk mempamerkan kehebatan penguasaan ilmu, kepetahan berhujah dan kemampuan mematikan hujah lawan dan bukan sangat untuk mencari kebenaran. Walau apa pun keadaan, walaupun mungkin beliau di pihak yang salah, beliau akan cuba mempertahankannya dan tidak akan menerima kemenangan walau jelas dan nyata hujah pihak lain itu benar dan hujahnya itu yang salah. Sikap sebegini tidak

sepatutnya tiada dalam diri sesiapa jua yang terpaksa berdebat dalam menyelesaikan perselisihan pandangan. Imam al-Shafie RA menyebut "*Tidak aku berdebat dengan seseorang melainkan aku mengharapkan akan Allah SWT zahirkan kebenaran di pihaknya*".

Berdebat demi mencari kebenaran inilah juga bermaksud berdebat kerana Allah SWT dan bukannya untuk membesarkan ego diri sendiri atau riya'. Imam al-Muzani RA menyebut "Hak dalam berdebat itu ialah menginginkan Allah SWT semata-mata, dan sanggup menerima kebenaran apabila dijelaskan".

### **Berdebat dengan Hikmah**

Berdebat bukanlah suatu yang dilarang dalam Islam jika ada keperluan, Namun dalam berdebat yang dianjurkan ia dilakukan dengan baik, penuh hikmah dan kebijaksanaan sepertimana mafhum Firman Allah SWT "*ajaklah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dengan nasihat yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik*" (Surah al-Nahl:125). Apabila kita merasakan kita atau orang yang kita berdebat mula tidak dapat mengawal perdebatan dan menjadi semakin beremosi, mengeluarkan kata-kata kesat maka sebaiknya dihentikan perdebatan kerana ia sudah lari dari matlamat sebenar perdebatan. Jika diteruskan ia menjadi sia-sia atau berdosa.

### **Mengelak Berdebat Perkara Khilafiyah**

Dalam Islam, ada isu-isu yang sejak zaman Salafus Soleh lebih seribu tahun lalu lagi ianya gagal diselesaikan dan mereka sudah pun bersetuju untuk berbeza pandangan (*agree to disagree*). Mereka adalah ulama hebat, muktabar, menghabiskan seluruh masa dan kehidupan mereka menuntut ilmu berbanding kita hari ini yang sibuk dengan pelbagai urusan duniawi. Mencari ulama sehebat mereka hampir tiada lagi di zaman ini dan ungkapan sesetengah pihak "*mereka lelaki kita juga lelaki*" merupakan pernyataan angkuh dan tidak berpijak di bumi nyata. Oleh kerana itu, sekiranya di zaman mereka dan diikuti ribuan ulama selepas mereka juga masih gagal mencari satu pendapat yang boleh disepakati semua, maka sewajarnya kita harus berpuas hati bahawa di zaman kita juga kita tidak akan mampu melakukannya dan tidak perlu mengulangi 'mencipta pusingan roda yang sama' (*inventing the same wheel*). Mengambil contoh misalnya menyentuh wanita bukan mahram bagi seseorang lelaki yang berwuduk tanpa berlapik membatalkan wuduknya dalam mazhab Shafi'e sedangkan mazhab-mazhab lain tidak berpandangan begitu, maka tidak perlulah kita cuba berdebat isu ini kononnya hadith ini lebih kuat, pandangan itu lebih benar dan sebagainya. Kaedah menyebut "*tidak diingkari perkara yang diperselisihkan (ulama), apa yang diingkari ialah perkara yang disepakati*". Oleh itu jika kita cuba berdebat dalam isu seperti ini ianya hanya akan membuang masa dan tidak memberi apa-apa faedah dan penyelesaian.

\* Rencana ini telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian, 14 Mac 2015